

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 9 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa memandangkan kemalangan kerap berlaku dari Jakar hingga kawasan Sebangkoi, bilakah projek naik taraf jalan raya di kawasan tersebut akan bermula. Bilakah semua projek naik taraf di jalan raya tersebut akan siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan daripada Jakar ke Bukit Sebangkoi sepanjang 14km merupakan sebahagian daripada skop Jalan Pan Borneo dari Sarikei ke Betong, Sarawak (100km) yang akan dinaikkan taraf kepada laluan 'dual-carriageway' secara berperingkat. Fasa projek ini akan dilaksanakan setelah kementerian ini menerima pengesahan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Untuk tempoh jangka pendek dan sederhana pula, kementerian ini akan meneruskan program menambah baik geometri jalan dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan di laluan berkenaan, khususnya di kawasan 'blackspots' seperti di Bukit Sebangkoi. Program 'blackspots' di laluan Sarikei ke Betong ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2010. Untuk tempoh dari tahun 2010 hingga kini, peruntukan sebanyak RM6 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut, iaitu melibatkan skop pembinaan lorong memotong dan menaik taraf beberapa lokasi 'blackspots'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lorong memotong dengan kos RM3 juta telah siap dibina pada tahun 2013, iaitu di KM435 Jalan Sarikei – Betong. Di samping itu, satu lagi lorong memotong dijangka akan dibina di laluan berkenaan, iaitu di KM427.4 hingga KM430.6 laluan antara Jakar ke Sebangkoi. Projek ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.